



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI 2019 SEDANG
DIJALANKAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS 2019) kini sedang, di mana ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai indikator-indikator utama kesihatan dan keperluan penjagaan kesihatan penduduk.

NHMS 2019 yang kini dalam kitaran ke-enam diselaraskan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU), dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK) dan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK). Ia akan bertumpu kepada penyakit tidak berjangkit (NCD) dan permintaan penjagaan kesihatan, penggunaan dan kos. Tahun ini, Tinjauan Kesihatan Pedalaman Sarawak digabungkan dengan NHMS bagi mendapatkan data penting akan status kesihatan komuniti yang tinggal di pedalaman Sarawak. Sarawak.

Tinjauan di lapangan akan berjalan dari April sehingga September 2019. Maklumat akan dikumpulkan melalui temubual secara bersemuka dengan orang dewasa dan kanak-kanak yang layak di 12,000 isi rumah yang dipilih secara rawak di seluruh negara, di mana ianya meliputi kira-kira 30,000 responden.

Fasa tinjauan awal sedang dijalankan dari April hingga Jun, di mana pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri melawat isi rumah terpilih dan memberitahu mereka mengenai tinjauan ini. Risalah maklumat tentang tinjauan ini akan diberikan kepada responden dan mereka dinasihatkan untuk menjangkakan kunjungan kali kedua semasa fasa pengumpulan data iaitu dari Julai hingga September, di mana satu pasukan penemubual terlatih akan melawat isi rumah ini untuk mengadakan temubual penuh.

Tinjauan ini akan meliputi soalan-soalan mengenai topik seperti aktiviti fizikal, pemakanan, dan isu-isu kesihatan yang lain. Selain itu, pengukuran berat badan, tinggi, ukur lilit pinggang, tekanan darah, dan ujian darah dari hujung jari untuk memeriksa paras gula, kolesterol, dan haemoglobin (sel darah merah) juga akan dilaksanakan ke atas responden yang telah bersetuju.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian NHMS di 03-33628793 atau kunjungi <http://iku.gov.my/nhms>.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 Mei 2019



**PRESS STATEMENT
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

2019 NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY UNDERWAY

The Ministry of Health Malaysia (MOH) would like to inform that the National Health and Morbidity Survey (NHMS 2019) is currently underway. This survey aims to provide the country with key health indicators as well as information on the healthcare needs of the population.

The NHMS 2019 is currently in its sixth cycle, and is coordinated by the Institute for Public Health (IPH), together with the Institute for Health Systems Research (IHSR) and the Institute for Health Behavioural Research (IHBR). It will focus on non-communicable diseases (NCDs) as well as healthcare demand, utilisation and cost. This year, the Sarawak Rural Health survey will also be incorporated into the NHMS to provide vital data on the health status of communities living in rural Sarawak.

The survey fieldwork will take place from April to September 2019. It will see information being collected by means of face-to-face interviews with eligible adults and children who live in 12,000 randomly selected households across the country, covering approximately 30,000 respondents.

The preliminary scouting phase is currently underway from April to June, during which officials from local health departments visit selected households to tell them about the survey. Respondents are provided with information leaflets and are advised to expect a second visit during the data collection phase from July to September, during which a team of trained interviewers will visit these households to conduct a full interview.

Key aspects of the survey include questions on topics such as physical activity, dietary habits, and other health issues. Height, weight, waist circumference, and blood pressure measurements will be performed, as well as finger-prick blood tests for glucose, cholesterol, and haemoglobin (red blood cells) for consenting respondents.

For more information, please call the NHMS Hotline at 03-33628793 or visit <http://iku.gov.my/nhms>.

Thank you.

**DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

30th May 2019



NHMS 2019

**TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI 2019:
PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DAN PERMINTAAN JAGAN KESIHATAN**

**NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY 2019:
NON-COMMUNICABLE DISEASES AND HEALTHCARE DEMAND**

April - September 2019

Untuk makluman lanjut sila hubungi **03-3362 8793** atau layari

iku.gov.my/nhms

Institut Kesihatan Umum (IKU)
Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam, 40170 Shah Alam, Selangor

NHMS Hotline: **03-33628793**
Email: nhms.iku@moh.gov.my

  [@nhms.iku](https://www.instagram.com/nhms.iku)



Ministry of Health Malaysia



INSTITUTE FOR PUBLIC HEALTH

NHMS 2019

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi National Health and Morbidity Survey (NHMS)

Apr — Jun:

Fasa Tinjauan Awal
Scouting Phase

Lawatan awal ke rumah-rumah bakal responden yang dipilih secara rawak untuk memaklumkan serta menerangkan tentang tinjauan ini.

Jul — Sept:

Fasa Pengumpulan Data
Data Collection Phase

Lawatan kedua ke rumah-rumah terpilih untuk menjalankan temuramah dan saringan kesihatan termasuk ukuran antropometri, tekanan darah, dan ujian darah secara mencucuk hujung jari

Untuk makluman lanjut sila hubungi
03-3362 8793 atau layari

iku.gov.my/nhms



@nhms.iku



NHMS 2019

TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI 2019:
PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DAN PERMINTAAN JAGAAN KESIHATAN
NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY 2019:
NON-COMMUNICABLE DISEASES AND HEALTHCARE DEMAND

Siapakah yang menjalankan tinjauan ini dan apakah tujuannya?

Tinjauan ini dikendalikan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU). Maklumat daripada tinjauan ini akan membantu Kementerian Kesihatan Malaysia merancang perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan.

Kami mengharapkan kerjasama anda untuk menjayakan tinjauan ini. Sertailah tinjauan ini dan bantu kami tingkatkan lagi taraf kesihatan rakyat Malaysia.

Terima kasih.

Kami akan menemuramah lebih kurang **30,000 orang** dari isi rumah yang dipilih secara rawak di seluruh negara.

Penyertaan anda dalam tinjauan ini adalah secara sukarela dan segala maklumat peribadi anda yang diperolehi dalam tinjauan ini akan disimpan dan dikendalikan secara sulit.



Sekiranya isi rumah anda telah terpilih secara rawak untuk tinjauan ini, apakah perkara selanjutnya?

Tinjauan ini akan meliputi soalan-soalan mengenai topik seperti aktiviti fizikal, pemakanan, dan isu-isu kesihatan yang lain. Selain itu, pengukuran berat badan, tinggi, tekanan darah, dan ujian darah (dengan persetujuan) dari hujung jari untuk memeriksa paras gula, kolesterol, dan haemoglobin (sel darah merah) juga akan dijalankan.

Pasukan penemuramah terlatih dari IKU akan melawat rumah anda antara bulan **Julai - September 2019**. Untuk makluman lanjut sila hubungi **03-3362 8793** atau layari laman web berikut:

iku.gov.my/nhms

@nhms.iku



NHMS 2019

TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI 2019:
PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DAN PERMINTAAN JAGAAN KESIHATAN
NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY 2019:
NON-COMMUNICABLE DISEASES AND HEALTHCARE DEMAND

Respons anda amat penting
bagi membentuk gambaran yang tepat
mengenai tahap kesihatan rakyat—justeru
membantu kami merancang perkhidmatan
kesihatan yang lebih berkesan.



1 dalam 6 orang dewasa

menghidap penyakit kencing manis (diabetes).



1 dalam 3 orang dewasa menghidap tekanan darah tinggi.



1 dalam 2 orang dewasa

mempunyai tahap kolesterol yang tinggi.

1 dalam 3 orang dewasa tidak mencukupi aktiviti fizikal yang disarankan.



Sebagai contoh, berdasarkan tinjauan yang lepas* kami menganggarkan bahawa di Malaysia...



Hanya 1 dalam 17 orang dewasa makan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti yang disarankan.



1 dalam 13 orang dewasa minum minuman beralkohol.



1 dalam 4 orang dewasa merokok.

Hampir **1 dalam 3** orang dewasa berumur 16 tahun dan ke atas

dan **1 dalam 8** kanak-kanak dari 5 hingga bawah-16 thn

disyaki mengalami

masalah kesihatan mental.

* National Health and Morbidity Survey (NHMS), 2015

f @ @nhms.iku